



Headline: Faham, sedar isu elak diri ditipu  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 1 Decemember 2021

Language: Malay  
Section: Panorama  
Page: 30

**TUGAS PPIM.** Jelas Nadzim, memberi kesedaran kepada masyarakat dan membantu mereka agar tidak tertipu dengan helah sindiket tertentu.



# Faham, sedar isu elak diri ditipu

**P**ERSATUAN Pengguna Islam Malaysia (PPIM) ditubuhkan pada Jun 1997 atas inisiatif sekumpulan aktivis yang mahukan perubahan dalam landskap kepenggunaan Islam di negara ini. Berteraskan moto 'Bersama Kembalikan Hak dan Maruah Dengan Bijaksana', PPIM diterajui oleh aktivis masyarakat, ilmu agama dan individu profesional yang prihatin dengan masa depan pengguna Islam di Malaysia.

Kini, PPIM mempunyai 2,000 orang sukarelawan yang mendidik pengguna serta membantu menyebarkan maklumat agar hak-hak mereka terbelas daripada dimanipulasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Pada peringkat awal, PPIM menurus kepada hak pengguna yang berkaitan hal halal dan haram. Namun, saban hari persatuan itu menyedari bahawa banyak isu berkaitan kepenggunaan, maka penglibatan mereka semakin meluas sehingga menjadi tempat rujukan bukan sahaja kepada pengguna Muslim, malahan juga bukan Islam. Sehubungan itu, PPIM sedaya-upaya melindungi pengguna daripada terus tertipu dalam pelbagai situasi. Antara isu diperjuangkan adalah berkaitan halal, haram, penganiayaan, penipuan, ketidakadilan, kemungkaran dan kekejaman terhadap pengguna beragama Islam. Bagi membincangkan lebih lanjut mengenai persatuan tersebut dan isu-isu berkaitan pengguna, wartawan **Kosmo! Ahad, Zubaidah Ibrahim** menemui Naib Ketua Aktivis PPIM, **Datuk Nadzim Johan**, baru-baru ini.

**KOSMO! AHAD:** Sebagai pengenalan, boleh Datuk jelaskan

## mengenai tugas dan peranan PPIM?

**NADZIM JOHAN:** Secara asasnya, kami berperanan dalam aspek kepenggunaan mengikut keperluan syariah seperti mendidik pengguna untuk mencari makanan halal kerana mungkin masih ramai orang Islam yang tidak terdedah dengan isu itu. Mendapatkan makanan halal adalah fardu dan ia harus dipandang serius oleh pengguna Islam. Justeru, menjadi tanggungjawab kami untuk membawa kesedaran dan memberi maklumat kepada pengguna agar tidak terus tertipu. Mendapatkan maklumat mengenai sesuatu produk itu adalah hak pengguna kerana daripada situ mereka boleh membuat keputusan sama ada menerimanya atau tidak. Bayangkan setiap hari tanpa sedar kita ditipu, malah ada juga perkara itu berterusan sehingga puluhan tahun seperti kes kartel daging.

**Apakah cabaran dihadapi PPIM sepanjang penubuhan sejak 24**

**PENGUNA** perlu lebih peka dan berhati-hati ketika berurusan secara online, bimbang termasuk dalam jerat scammer licik.



## tahun lalu?

Perjuangan membantu masyarakat dalam isu kepenggunaan bukanlah tugas mudah kerana perlu berdepan onak duri, malah keselamatan diri juga turut terancam terutama ketika menyelesaikan kes penipuan ah long. Kami juga tidak terlepas daripada perbuatan fitnah daripada pihak tidak berpuas hati kerana PPIM membongkar penipuan sindiket tertentu hingga mengganggu kegiatan mereka. PPIM juga berdepan pelbagai jenis penipuan berbeza saban hari dan juga kelikikan sindiket dengan pelbagai taktik hingga mangsa terpedaya. Mengikut data dikumpul, kes penipuan tertinggi adalah ah long, penipuan siber dan pinjaman bank.

## Boleh Datuk jelaskan isu utama diperjuangkan PPIM dan kenapa?


Antara isu besar yang kami perjuangkan adalah masalah riba kerana ia berlaku di sekeliling kita dalam setiap detik tanpa disedari. Seperti matlamat utama penubuhan PPIM, kami berpegang teguh kepada Islam lantas membanteras isu riba adalah sesuatu yang sangat penting. Apatah lagi, Allah dan rasul mengisytiharkan perang kepada penerima riba. Kami berharap masalah riba dapat dikurangkan dengan memberi kesedaran dan mendidik masyarakat secara berterusan kerana menganiaya serta mengambil hak orang adalah dosa besar dalam Islam.

## Nyatakan antara kes-kes besar yang pernah diselesaikan atau dibantu PPIM?

Sekitar tahun 2000 hingga 2017, kes gores dan menang sangat popular hingga berlaku di mana-mana saja. Betapa liciknya sindiket tersebut, mangsa yang ditipu terdiri daripada individu ternama dan terpelajar, malah ada juga orang yang sama menjadi mangsa kali kedua. Kami menerima banyak aduan mengenai perkara itu dan pelbagai gerak kerja dilakukan untuk membantu mangsa mendapatkan kembali wang mereka. Alhamdulillah, hasil usaha dan kerjasama pelbagai pihak telah membuahkan hasil apabila mangsa mendapat kembali wang. PPIM juga membantu menyelesaikan masalah ah long yang masih lagi aktif menipu sehingga kini dengan mengenakan faedah pinjaman tinggi lantas mangsa terikat dalam membuat pembayaran seumur hidup. Sehingga kini, pihak kami menerima sebanyak 70 hingga 80 aduan sehari dan sebahagian besarnya adalah masalah pinjaman dengan ceti haram itu.

## Terangkan program-program yang telah dilaksanakan oleh PPIM?

Pihak kami giat menjalankan program-program bersama pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan



**MENURUT Nadzim,** kes penipuan tertinggi diterima PPIM sehingga kini adalah berkaitan ah long dan penipuan siber.

## EKSTRA NADZIM JOHAN

- Anak kelahiran Kelantan
- Merupakan anak kelima daripada tujuh beradik
- Mempunyai sembilan orang cahaya mata
- Berkelulusan Diploma Undang-undang, Universiti Teknologi Mara (UITM), Shah Alam, Selangor
- Diploma Pentadbiran dan Perniagaan, UITM
- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti Eastern Michigan, Amerika Syarikat
- Chartered Institute of Marketing, UK Universiti Teknologi Mara
- Berpengalaman 24 tahun sebagai Ketua Aktivis PPIM

kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan Kementerian untuk bersama-sama membantu masyarakat.

Usaha bersepadu itu bertujuan memperkasa hak pengguna, menyebarkan luas maklumat, memberi kesedaran dan mendidik masyarakat. PPIM bukan sahaja membantu dalam aspek kepenggunaan, tetapi turut terlibat meringankan beban mereka yang dalam kesesahan. Dalam usaha tersebut, PPIM menubuhkan unit kebajikan bagi membantu mereka yang memerlukan seperti mangsa banjir dengan menghulur pelbagai barangan keperluan harian dalam misi bantuan berterusan. Selain itu, kami juga membantu pelajar dengan memberi tab percuma, membina sekolah tahfiz dan masjid.

## Bagaimana cara terbaik untuk mengelakkan daripada terjerat dengan penipuan atau scammer?

Kita harus sedar, penipu mempunyai 1001 cara untuk melakukan penipuan. Sikap berjaga-jaga dan tidak mudah terpengaruh adalah kunci utama mencegah diri daripada terjebak dalam permasalahan ini. Sindiket penipuan kebiasaannya menggunakan kaedah seperti menawarkan keseronokan atau harapan dan ketakutan. Sebagai contoh, penipuan loteri yang mengatakan mangsa menang besar tetapi perlu memasukkan sejumlah wang untuk menuntutnya. Selain itu, sindiket juga tidak memberikan ruang masa yang banyak untuk mangsa berfikir sebelum bersetuju dengan tawaran tersebut. Mangsa juga tidak dibenarkan untuk memberitahu kepada sesiapa mengenai tawaran 'lumayan' itu. Oleh itu, adalah penting kita mendidik masyarakat mengenai asas kehidupan iaitu tidak ada perkara mudah atau jalan pintas mendapatkan sesuatu, melainkan perlu berusaha untuk merealisasikan.

## Sekiranya menjadi mangsa penipuan, apakah langkah yang wajar diambil untuk menuntut semula hak?

Langkah pertama yang perlu dilakukan adalah melaporkan

perkara tersebut kepada polis dengan memberikan keterangan lanjut dan kognologi urusan bersama sindiket. Seterusnya, dapatkan bantuan daripada NGO bertanggungjawab menguruskan kes-kes penipuan untuk tindakan selanjutnya.

Kita harus faham, seseorang individu yang menjadi mangsa penipuan akan berada dalam keadaan emosi tidak stabil. Maka, sokongan pelbagai pihak sangat diperlukan termasuk ahli keluarga serta rakan. Justeru, ingin ditegaskan sekali lagi, jangan mudah terdaya dan mengambil mudah dengan taktik licik penipu. Dalam dunia siber pada ketika ini adalah sukar dan agak mustahil untuk mendapatkan kembali wang yang dicuri kerana kita tidak tahu siapa dalang sebenar kerana dilakukan secara online. Jika kes gores dan menang dahulu, kami berjaya mendapatkan kembali wang mangsa kerana dilakukan secara fizikal serta lokasinya juga mudah dikesan bagi mencari dalang tersebut.

## Apakah harapan pihak Datuk kepada masyarakat dalam membasmi sindiket penipuan?

Besar harapan kami agar pengguna dapat mengatasi 'kejahilan' dalam isu kepenggunaan dan hendaklah membasikan diri untuk berhadapan dengan cabaran melibatkan penipuan dunia siber. Oleh itu, adalah penting para pengguna bersatu dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti penipuan agar tidak ramai ditimpa nasib sama. Pengguna juga perlu bersatu dan ia adalah cara paling berkesan untuk mengekang perbuatan penipuan daripada terus berleluasa.

## Apakah perancangan masa hadapan pihak PPIM untuk terus membantu masyarakat?

Sebagaimana agenda utama kami, kerja-kerja membantu masyarakat, memberi kesedaran dan pendidikan dilaksanakan sepanjang masa dan berterusan. Proses mendidik masyarakat adalah paling penting dalam membanteras penipuan. Diharapkan dapat diperluaskan kepada komuniti setempat dan sekolah bagi memberi pendedahan sejak usia muda.

**Kita harus faham bahawa, seseorang individu yang menjadi mangsa penipuan akan berada dalam keadaan emosi tidak stabil, maka sokongan pelbagai pihak sangat diperlukan termasuklah ahli keluarga serta rakan."**